

PM ingatkan rakyat jangan lupa tanah air

Daripada Zainuddin Ayip

UM 28 APR 2007

DUBAI, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat Malaysia yang bermastautin dan bekerja di luar negara supaya tidak selama-lamanya menetap di negara berkenaan sehingga lupa tanah air dan asal usul mereka.

“Satu hari nanti, pulanglah ke tanah air kerana negara memerlukan anda untuk berbakti kepada rakyat tempatan, selain bersama-sama menyumbang memaju dan memakmurkan negara sendiri,” kata Perdana Menteri kepada kira-kira 400 rakyat Malaysia yang bekerja dan menetap di Emiriah Arab Bersatu (UEA) dalam satu majlis ramah mesra, di sini malam tadi.

Majlis anjuran Kelab Malaysia di UAE turut dihadiri Duta Malaysia di negara itu, Datuk Syed Hussein Al-Habshee dan beberapa kenamaan dan usahawan Malaysia.

Antara yang hadir, Presiden MRCB, Datuk Seri Abdul Rahman Awaidin; Ketua Eksekutif DRB-Hicom, Tan Sri Salleh Sulong; Pengerusi Arab Malaysian Bank, Tan Sri Azman Hashim; Pengerusi Perbadanan Kemajuan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Dr Mahathir juga mahu rakyat Malaysia di luar negara menangkis laporan negatif media Barat yang suka memburuk-burukkan negara

Turut serta, Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Tan Sri Sanusi Junid dan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar.

Dr Mahathir juga mahu rakyat Malaysia di luar negara menangkis laporan negatif media Barat yang suka memburuk-burukkan negara.

“Ada yang menuduh Malaysia tidak selamat dikunjungi, pemimpinnya bersikap diktator dan pelbagai tanggapan tidak betul.

“Jadi anda semua perlu menerangkan kepada penduduk asing di negara anda menetap bahawa Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum yang stabil dan makmur, mereka perlu memberi keyakinan kepada rakyat asing bahawa Malaysia sebuah negara cantik dan selamat dikunjungi.

“Maklumlah, media asing bukan milik kita. Mereka sering memberi tanggapan

negatif mengenai Malaysia dan anda semua sebagai duta kecil harus memperbetulkan tanggapan salah itu,” katanya.

Sementara itu, dua syarikat Malaysia – Perbadanan Kemajuan Multimedia (MDC) dan AirportXchange Berhad – mengembangkan sayapnya ke Timur Tengah bagi membuktikan usahawan Bumiputera turut mampu bersaing pada peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara MDC dengan Dubai Internet City (DIC) dan satu lagi antara AirportXchange dengan DIC dan Dubai Department of Civil Aviation (DCA), di sini, petang semalam.

Kedua-dua syarikat itu juga memberi jaminan kepada Perdana Menteri untuk menjalankan kerja dengan baik bagi menjaga maruah dan mengharumkan nama negara.

Pengerusi MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata menerusi perjanjian itu, kedua-dua pihak akan bekerjasama meneroka pelbagai projek berkaitan teknologi maklumat sama ada secara usaha sama atau dengan pihak ketiga.

Beliau berkata, MDC dan DIC akan bertukar-tukar maklumat dan berkongsi pengalaman mengenai pelaksanaan program IT kedua-dua negara selain meneroka pasaran baru di tempat lain.

Ketua Pengarah Teknologi, E-Commerce dan Media Dubai, Mohammad Gergawi mengakui Malaysia mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi maklumat yang boleh dikongsi bersama.

Perjanjian ini adalah peluang terbaik kedua-dua syarikat mengembangkan kegiatan di Malaysia dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE) selain di Timur Tengah secara keseluruhannya.

Ketua Pegawai Eksekutif DIC, Ahmad bin Byat pula berkata, skop perjanjian ini merangkumi usaha sama dalam pelbagai bidang termasuk telekomunikasi, pembuatan kad pintar dan sekolah pintar selain pelaksanaan bank secara Islam.

Beliau berkata, kedua-dua pihak diberi masa tiga bulan untuk merangka dan menyiapkan jadual kerja yang lengkap dan komprehensif sebelum melaksanakan projek yang diperse-

tujui bersama.

Sementara itu, Pengerusi AirportXchange Berhad, Suhaimie Abu Hassan turut menyatakan rasa gembira kerana diberi kepercayaan mengadakan projek usahasama dengan DIC dan DCA.

Beliau berkata, menerusi perjanjian berkenaan, DIC akan membekalkan kemudahan internet dan perkhidmatan komputer kepada AirportXchange untuk memudahkan pengurusan terutama dalam bidang e-dagang.

AirportXchange adalah pemaju dan pengendali talian *on-line* yang dikenali *airportXchange.com* yang menjadi paksi XYBASE yang sebahagian besar operasinya berkaitan industri

penerbangan.

"Saya yakin perjanjian ini akan memudahkan langkah untuk mengembangkan sayap ke negara Teluk yang mana kemudahan infrastrukturnya dibekalkan oleh DIC yang berpangkalan di Dubai," katanya.

Suhaimie berkata, Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai yang menjadi nadi industri penerbangan di Timur Tengah sudah lama jangka kesesakan trafik dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

"Dengan kerjasama ini, kami akan membantu pihak pengurusan lapangan terbang itu untuk mengatasi pelbagai masalah berkaitan pengendalian penumpang dan kargo," katanya.